

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: Sunday, May 27, 2018 11:31 AM
To: UUM - All Staff
Subject: Anugerah Visual Terbaik Kategori Pengurusan : Elemen Lucu Dan Santai Cuit Hati Juri Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)



AHAD, 27 MEI 2018 | 11 RAMADHAN 1439H
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr./Tuan/Puan





SINTOK : “Tahniah kepada semua dan terima kasih di atas komitmen yang diberikan” merupakan ucapan tahniah dari Prof. Dr. Rohana Yusof, Pengarah Northern Corridor Research Centre (NCRC) kepada semua ahli Kumpulan Diamond NCRC.

Penyertaan Kumpulan Diamond di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Terbuka UUM 2018 pada 14 dan 15 Mei 2018 baru-baru ini telah memberikan pengalaman manis kepada semua ahli kumpulan. Projek KIK Kumpulan Diamond NCRC yang bertajuk “Hasil Laporan *Online Record Activity* (OAR) yang tidak Memenuhi Kehendak Pengguna” telah berjaya merangkul Anugerah Visual Terbaik Kategori Pengurusan.

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Terbuka UUM 2018 yang berlangsung di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah disertai sebanyak 17 buah kumpulan dari jabatan di dalam UUM antaranya Research and Innovation Management Centre (RIMC) UUM, UUMIT, Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM, Jabatan Pendaftar UUM dan juga agensi dari luar UUM seperti Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Johor dan Kedah, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PUSPEK) dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

Projek KIK yang dipertandingkan ke konvensyen ini merupakan projek penambahbaikan daripada projek asal KIK Kumpulan Diamond. Hasil daripada projek inovasi ini pengguna dapat menyediakan laporan aktiviti jabatan dengan pantas dan lebih tersusun. Tidak menyangka idea bagi persembahan Kumpulan Diamond di konvensyen KIK tersebut dengan memasukkan elemen lucu dan santai telah mencuit hati juri. “Kami terhibur” merupakan komen akhir juri setelah Kumpulan Diamod selesai membuat persembahan. Ternyata usaha semua ahli kumpulan yang bertungkus lumus di dalam persiapan menyertai konvensyen ini adalah berbaloi.

=====

DARIPADA :
NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 6559/6560/6563
FAKS: 04-928 6561
E-MEL: ncrc@uum.edu.my
WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.